

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 2  
MENGENAI AUDITAN KHAS PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR,  
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI  
DAN PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI SABAH**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Sabah. LKAN Tahun 2021 Siri 2 ini melaporkan lima tajuk pengauditan, iaitu tiga tajuk di bawah pengauditan aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta dua tajuk bagi pengauditan pematuhan.

### **1.1. Pengauditan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi**

- a. Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar  
[Luas Kawasan Litupan Hutan 4.68 juta hektar (ha) di Sabah]
  - i. Pengauditan dilaksanakan melibatkan Jabatan Perhutanan Sabah. Pengauditan ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan program seperti berikut:
    - **Pencapaian Output**
      - Bagi tempoh 2016 hingga 2021, purata pencapaian kutipan hasil hutan berbanding sasaran adalah 102%. Pencapaian kutipan hasil hutan pada tahun 2016, 2019 dan 2021 melebihi sasaran dengan pencapaian masing-masing 102.5%, 103.9% dan 141.8%.
      - Sehingga tahun 2021, keluasan kawasan litupan hutan negeri Sabah adalah 4.68 juta ha (63.6%) bertambah seluas 121,226.04 ha (2.7%) berbanding tahun 2016.
      - Bagi tempoh 2016 hingga 2021 seluas 50,616.73 ha melibatkan 46 kawasan baharu telah diwartakan sebagai Hutan Simpan (HS) berbanding warta keluar seluas 27,395.48 ha melibatkan 49 HS.
    - **Pencapaian Keberhasilan**
      - Hasil yang dikutip Jabatan Perhutanan Sabah (JPS) melalui sumber hutan berbanding hasil keseluruhan negeri Sabah menunjukkan pengurangan iaitu daripada 6.6% pada tahun 2016 kepada 3.1% pada tahun 2021.

- Projek pembangunan komuniti melalui Sabah EU-REDD+ yang mula dilaksanakan sejak tahun 2011, telah memberi kesan positif terhadap masyarakat setempat.

- **Pengurusan Projek/Program**

Kelemahan dalam pengurusan bagi pengauditan tersebut adalah seperti berikut:

- Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) bagi hutan negeri Sabah tidak disediakan. Sebaliknya RPH disediakan hanya di peringkat Unit Pengurusan Hutan (FMU) sahaja.
- Pencapaian pembangunan projek ladang hutan SAFODA yang dimulakan sejak tahun 2009 sehingga tahun 2019 hanya mencapai 18.6% iaitu hanya 16,539.35 ha berbanding keluasan tanah seluas 89,000 ha.
- Terdapat kes pelanggaran syarat perjanjian alam sekitar (EIA) seperti pembuangan bahan tanah lebihan ke dalam sungai atau alur air, aktiviti penanaman tidak dibuat sebelum pembersihan ladang fasa seterusnya dimulakan, cerun tidak distabilkan dan penyimpanan bahan minyak tidak sempurna.

- b. **Pengurusan Pembangunan Hartanah Perumahan Kerajaan oleh Agensi Negeri Sabah [64,017 Permohonan Rumah Kos Rendah (RKR), 2,452 Unit Rumah Mampu Milik (RMM), 9,405 Unit Rumah Kos Tinggi (RKT)]**

- i. Pengauditan dilaksanakan melibatkan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan serta Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar. Objektif program adalah memastikan setiap rakyat di negeri Sabah memiliki rumah sendiri, kerajaan melalui LPPB bertanggungjawab membangunkan perumahan awam di atas tanah milik Kerajaan Negeri Sabah.
- ii. Pengauditan ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan program seperti berikut:

- **Pencapaian Output**

- Sehingga bulan Jun 2022 sebanyak 64,017 permohonan RKR telah diterima. Bagaimanapun, LPPB hanya dapat menawarkan sebanyak 183 (0.3%) unit RKR sahaja di seluruh negeri Sabah.
- Setakat bulan Julai 2022, sebanyak 5,307 unit (44.8%) RMM dan RKT ditawarkan berbanding 11,857 unit yang dirancang.

- **Pencapaian Keberhasilan**

- Dasar 30% RMM dalam pembangunan perumahan swasta secara usaha sama tidak tercapai disebabkan dasar ini tidak dimasukkan sebagai syarat dalam perjanjian. Selain itu, pemantauan terhadap penguatkuasaan dasar yang kurang berkesan dari pihak KKTP dan LPPB.

- **Pengurusan Projek/Program**

Kelemahan dalam pengurusan bagi pengauditan tersebut adalah seperti berikut:

- Kegagalan mendapatkan sumber kewangan memberi kesan kepada pembeli memiliki rumah yang ditawarkan dan LPPB pula perlu menanggung kos pembaikan kerosakan rumah sehingga kunci diberikan kepada pemilik.

- c. **Pengurusan Program Tebatan Banjir di Negeri Sabah**  
[20 Projek - RM555.5 juta]

- i. Pengauditan dilaksanakan melibatkan Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah/Department of Irrigation and Drainage Sabah (DID). Objektif program adalah menyediakan sistem saliran sungai yang sempurna bagi mengurangkan bilangan kawasan dan penduduk yang terdedah kepada ancaman banjir.
- ii. Pengauditan ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan program seperti berikut:

- **Pencapaian Output**

- Senarai projek yang diluluskan tidak meliputi semua kawasan mudah banjir di negeri Sabah.
- Sebanyak 14 projek (70%) sedang dalam pembinaan di mana tiga daripadanya telah dilaksanakan mengikut jadual manakala 11 lagi telah diberikan antara satu hingga enam EOT selama 265 hingga 1,249 hari. Sebanyak dua projek (10%) masih dalam peringkat reka bentuk/tender dan pelantikan kontraktor belum dilaksanakan.

- **Pencapaian Keberhasilan**

- Kejadian banjir masih berulang di empat daerah sampel Audit iaitu Kota Belud, Kota Kinabalu, Penampang dan Putatan. Dua projek telah siap manakala tujuh sedang dalam pelaksanaan.
- Kes banjir dan perpindahan mangsa banjir meningkat dan kejadian banjir masih berlaku di kawasan sampel projek.

- Pengurusan Projek/Program

Kelemahan dalam pengurusan bagi pengauditan tersebut adalah seperti berikut:

- Kualiti kerja kurang memuaskan iaitu *L-Shape* yang dipasang telah rebah, lantai konkrit parit pecah, konkrit retak di PLSB Sg. Moyog Pakej 1, projek Saluran Bandar Kota Kinabalu – Bandar Sierra Menggatal dan Projek RTB Bandar Sierra Lembangan Sg. Telipok Kota Kinabalu
- DID tidak menyediakan jadual penyenggaraan secara berkala bagi sungai lain yang tidak diliputi dalam projek tebatan banjir tetapi melaksanakan kerja penyenggaraan secara *ad hoc*.

## 1.2. Pengauditan Pematuhan

### a. Bayaran Penuh Dibuat bagi Kerja yang Tidak Sempurna

- i. Pengauditan Pematuhan yang dilaksanakan melibatkan Pejabat Daerah Kalabakan (PDK) dengan menumpukan kepada pengurusan perolehan kerja menggunakan sumber peruntukan pembangunan Kerajaan negeri pada tahun 2021. Pengauditan meliputi proses perolehan, pelaksanaan dan prosedur bayaran.
- ii. Penjelasan bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti berikut:
  - Pembayaran penuh telah dibuat bagi lima perolehan kerja yang tidak disempurnakan sepenuhnya melibatkan kerja-kerja jalan dan jeti. Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah berbeza dengan spesifikasi yang ditetapkan menyebabkan pembayaran tidak teratur berjumlah RM145,077.

### b. Kutipan Tunggakan Hasil Rumah Rehat Kerajaan

- i. Pengauditan Pematuhan yang dilaksanakan melibatkan Pejabat Daerah Lahad Datu yang meliputi tunggakan hasil Rumah Rehat Kerajaan di Daerah Lahad Datu bagi tahun 2007 sehingga 31 Disember 2021.
  - ii. Penjelasan bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti berikut:
    - Kontrak tidak ditamatkan apabila berlaku ketidakpatuhan kepada syarat kontrak. Kelewatan menamatkan perjanjian Konsesi mengikut Klaus 10.1 memberi kesan kepada peningkatan tunggakan sewa bulanan, faedah lewat bayar dan bil utiliti memberikan risiko kehilangan hasil berjumlah RM194,290.
2. Sebanyak 14 syor Audit telah dikemukakan kepada kementerian dan pihak yang berkepentingan untuk diambil tindakan bagi penambahbaikan perkara yang dilaporkan.